



# PENGUASAAN KOMUNIKASI ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-SUNNAH DENGAN KOMUNIKASI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Phayilah Yama<sup>1</sup>, Mohd Shairawi Mohd Noor<sup>2</sup>, Siti Zaliha Ibrahim<sup>3</sup>, Siti Azwanie Che Omar<sup>1</sup>, Mohammad Ikhmal Syamimi Rozeli<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>2</sup> Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>3</sup> Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## Abstract

Komunikasi merupakan elemen penting yang harus dikuasai oleh seorang pelajar yang bergelar mahasiswa. Hal ini kerana, setelah menceburi bidang pekerjaan majikan akan meletakkan kemahiran komunikasi sebagai salah satu kemahiran bukan teknikal yang perlu dikuasai oleh para pekerja yang ingin bekerja sama ada dalam sektor swasta mahupun kerajaan. Secara khususnya, kertas kerja ini bertujuan mengkaji tahap komunikasi Islam yang diaplikasikan oleh mahasiswa Kuis jabatan al-Quran dan al-Sunnah dengan Komunikasi serta faktor yang menghalang komunikasi ini tidak berlangsung secara berkesan di dalam kelas. Kajian yang berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 50 orang sampel pelajar semester 6, 7 dan 8 dalam program Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah dengan Komunikasi. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan kefahaman mahasiswa terhadap ilmu komunikasi sangat positif. Manakala, dari sudut kemahiran komunikasi pula, dalam kalangan mahasiswa terdapat permasalahan dari sudut berdepan dengan audien yang berlainan jantina. Mahasiswa menganggap keadaan yang kekok itu menjadi punca komunikasi mereka gagal untuk disampaikan kepada audiens ketika sesi pembentangan. Hasil daripada dapatan kajian, penulis memberikan cadangan kepada pihak pensyarah agar memperbanyakkan aktiviti komunikasi berkumpulan antara lelaki dan perempuan seperti forum, perdebatan, dialog dan sebagainya. Justeru, dengan kajian yang dilakukan ini dapat memberi input yang berguna kepada pihak universiti untuk menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran ketika sesi mengajar di dalam kelas dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar KUIS.

**Keywords :** *Penguasaan; Komunikasi; al-Quran; al-Sunnah; KUIS*

## Article Progress

Received: 11 August 2018  
Revised: 13 November 2018  
Accepted: 1 December 2018

\*Corresponding Author:  
Phayilah Yama, Jabatan al-  
Quran dan al-Sunnah, Fakulti  
Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam  
Antarabangsa Selangor,  
Malaysia.  
Email: phayilah@kuis.edu.my

## 1. PENDAHULUAN

Al-Quran adalah kitab suci yang diyakini kebenarannya daripada Allah SWT. Sebagai sebuah kitab yang diyakini, maka al-Quran mengandungi berbagai macam bentuk komunikasi. Bila ditinjau dari kaca mata keilmuan Islam, al-Quran mendatangkan khabar gembira (*basyiran*) dan peringatan (*nadhiran*) (Ivi Deirdre, 2012). Komunikasi merupakan salah satu alat yang menghubungkan antara manusia secara *verbal* atau pun *non-verbal*. Hal ini kerana manusia yang hidup di muka bumi ini haruslah saling berkenalan antara satu sama lain kerana proses komunikasi merupakan tunjang utama yang tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Ini kerana proses ini terjadi dengan sendirinya apabila wujudnya interaksi antara dua individu tanpa dapat dielakkan (Sulaiman, 2010; Nurul Salmi, 2014).

Dalam erti kata yang lain, komunikasi sebagai suatu kegiatan dalam pertukaran mesej yang sesuai dengan pertumbuhan isu atau maklumat dalam kehidupan masyarakat. Maklumat yang benar akan menimbulkan suatu ketenangan dalam kehidupan. Jika isu atau maklumat yang dikembangkan orang dalam berinteraksi tidak seirama dan tidak sehaluan dengan apa yang terjadi maka akan timbul konflik atau permasalahan. (Shafrin. Fadzilah, 2009).

Komunikasi juga ialah suatu proses yang membabitkan penyampai dan penerima maklumat dalam menghasilkan kesan. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2004), Komunikasi berkesan dapat merangsang satu tindak balas dan pada masa yang sama mampu menghasilkan perubahan tindak balas yang diharapkan. Kemahiran komunikasi amat penting bagi mahasiswa untuk memudahkan mereka di alam pekerjaan kelak selepas menamatkan pengajian (Zuri Ghani. Aznan, 2008).

Dalam sebuah artikel memetik, statistik menunjukkan, sebuah kajian tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), mendapati sejumlah 59,315 siswazah (mahasiswa) menganggur (Zani, 2014). Antara faktor yang menjadi petunjuk utama pengangguran tersebut ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal terutamanya dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah, tidak terkecuali juga permasalahan komunikasi ini berlaku di negara-negara seperti Thailand, Nepal, Taiwan, China, Hong Kong, dan juga Jepun (Tay Meng Guat, 2013).

Antara faktor penyebab kegagalan mahasiswa mendapatkan pekerjaan adalah akibat daripada institusi yang hanya memandangkan pencapaian pelajar dalam akademik dengan hanya mengejar “A” sahaja (Jamilah, Rahmatunnisa & Syamimi, 2015). Ianya bukan dari kemahiran komunikasi sebagai elemen penting sewaktu pelajar ditemuduga untuk mendapatkan pekerjaan. Namun, realiti yang sebenarnya, sistem pengajian yang sebegini telah mengabaikan peluang pelajar untuk mempelajari segala kemahiran asas dalam komunikasi ketika belajar, berfikir secara kritis dan kemahiran *softskill* untuk menyelesaikan masalah berani bercakap dihadapan audiens (Nurfin, 2014). Sekiranya permasalahan ini masih lagi dipandang enteng di peringkat universiti, maka peningkatan pengangguran di Malaysia akan semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Melalui perbincangan ini komunikasi memerlukan kemahiran berbahasa yang tinggi, termasuklah bahasa paralinguistik dan wacana. Penutur bukan sahaja perlu mahir bertutur tetapi bercakap mengikut fakta yang tepat (Nurul Salmi & Isha Awang, 2014). Bagi mencapai perkara ini pembacaan yang banyak perlu dilakukan supaya komunikasi yang ditutur dapat berjalan dengan lancar berlandaskan fakta yang sah. Kelemahan pelajar berkomunikasi di hadapan khalayak ramai mungkin akhirnya boleh menyebabkan mereka mengelak daripada bertemu dengan orang lain di tambah pula dengan wujudnya perasaan negatif seperti malu bercakap, takut salah, tidak yakin ketika berkomunikasi di hadapan awam. (Halim Mohamad, 2009). Perasaan ini perlu dibuang jauh-jauh dan memerlukan pratikal yang berterusan. (Rodiah Idris, 2009).

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang dijalankan secara tinjauan di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hasil dapatan dilaporkan secara deskriptif bagi memerihalkan dapatan yang diperolehi. Kajian yang melibatkan sampel sebanyak 50 orang daripada pelajar jabatan al-Quran dan al-Sunnah dengan Komunikasi dari semester 6, 7 dan 8. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik kemahiran komunikasi yang disesuaikan daripada Mohd Najib (1999). Bagi membolehkan kepercayaan instrumen yang digunakan penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis dan dapatan kajian tersebut menunjukkan nilai kebolehppercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai 0.8 (Sunawari Long, 2008).

Soal selidik yang diedarkan dikumpul dan dianalisis melalui komputer menggunakan pengisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 21.0 bagi mendapatkan data yang tepat. Dapatan analisis

digambarkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan kekerapan dan peratusan. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A (demografi pelajar). Penulis menggunakan min purata daripada analisis statistik deskriptif. Analisis ini melibatkan jantina, umur dan status yang mana mempunyai tahap kemahiran komunikasi yang tinggi. Bahagian B melibatkan (kefahaman mahasiswa mengenai komunikasi) dan (kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa). Data ini dianalisis dengan menggunakan cara statistik inferensi iaitu menggunakan kolerasi dengan keputusan soal selidik yang diedarkan bagi mengukur hipotesis yang dibina. Analisis secara inferensi ini digunakan untuk melihat perbezaan diantara kefahaman mahasiswa dengan kemahiran komunikasi mahasiswa KUIS (Ghazali, 2016).

### **3. KOMUNIKASI MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

Menurut Muttaqien (t.t) dan Rosni binti Wazir, Jamiurrashid bin Makmum, Rafiza binti Kasbun dan Khodijah binti Abdul Rahman, 2015, menyatakan terdapat beberapa ayat al-Quran menunjukkan komunikasi atau seumpamanya iaitu:

#### **3.1. Surah An-Nisa ayat 63**

Maksudnya:

Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, kerana itu berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka pelajaran, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berbebas pada jiwa mereka.

Ayat di atas menunjukkan kepada kita tentang busuknya hati kaum munafik, di mana mereka tidak akan pernah patuh kepada Rasulullah SAW malah mereka bersumpah atas nama Allah SA.W, kerana apa yang mereka kerjakan semata-mata hanya mengkehendaki dan melakukan kebaikan. Walaupun demikian, Allah SWT melarang Rasulullah SAW untuk menghukum mereka secara fizik (pengertian dari “berpalinglah dari mereka”), akan tetapi Allah SWT menganjurkan untuk memberi nasihat berbentuk ancaman bahawa perkara keji yang mereka lakukan akan mengundang azab Allah SWT. Nasihat tersebut tentunya dengan qaulan baligha. Kata baligha merupakan bentuk masdar dari balagha, yang bermaksud sampai, atau sampainya sesuatu kepada sesuatu yang lain. Imam Al-Asfahani mengemukakan bahawa kata tersebut mengandungi 3 makna, iaitu:

- i. Bahasanya yang tepat.
- ii. Sesuai dengan yang dikehendaki.
- iii. Isi perkataannya adalah suatu kebenaran.

Dalam konteks komunikator dan komunikan, kata tersebut dimaksudkan adalah seorang komunikator secara sengaja ingin menyampaikan sesuatu dengan cara yang benar dan tepat (jelas) agar dapat diterima oleh komunikan (audien).

#### **3.2. Surah Al-Isra' ayat 28**

Maksudnya:

Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang pantas.

Ayat ini diturunkan berkenaan dengan permintaan suatu kaum kepada Rasulullah SAW, namun Rasulullah SAW tidak mengabulkan permintaan mereka. Penolakan Rasulullah SAW terhadap permintaan mereka bukanlah tanpa alasan, kerana Rasulullah SAW mengetahui bahawa mereka sering kali membelanjakan harta pada perkara yang tidak bermanfaat. Berpalingnya Baginda SAW merupakan semata-mata mengharap redha Allah SAW dan sebagai wujud dari sikap yang tidak mempertahankan kebiasaan buruk mereka dalam menghambur-hamburkan harta. Disamping itu, berpaling Baginda SAW

juga menolaknya dengan perkataan yang tepat atau ucapan yang pantas agar tidak menyakiti perasaan mereka. Kata Maisura merupakan bentuk masdar dari yassara, dalam Nahu Arab yang bermaksud iaitu mudah. Dengan ini, dalam ayat di atas jelas menyatakan bahawa perkara diajarkan kepada kita apabila kita tidak sanggup dan tidak mahu untuk memberi atau meminta suatu permintaan, maka penolakan kita harus disertai dengan perkataan yang baik dan mempunyai alasan yang rasional serta diterima bukan dusta semata-mata, kerana pada prinsipnya, qaulan maisura adalah segala bentuk perkataan yang baik dan melegakan (tidak menyakitkan), atau juga boleh dikatakan sebagai suatu pernyataan untuk menjawab dengan cara yang sangat baik dan tidak mengada- adakan sesuatu yang tidak ada.

### 3.3. Surah Al-Isra' ayat 23

Maksudnya:

Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka, dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. (Syawir Dahlan, 2014).

Perkataan Karima adalah berbentuk masdar dari kata karuma, yang bermaksud mulia. Jika kata tersebut disandarkan pada Allah SWT iaitu Karim, maka bermaksud Allah Yang Maha Mulia. Bila disandarkan kepada manusia, maka mempunyai maksud kebaikan budi atau perilaku dan kemuliaan akhlak. Bila kata tersebut dengan qaul, maka iaitu suatu perkataan yang menjadikan pihak lain tetap dalam kemuliaan dan penuh penghormatan, dan perkataan yang bermanfaat bagi orang lain tanpa bermaksud menyakiti dan merendahkan. Dalam ayat di atas, ia menjelaskan bagi kita bagaimana cara berperilaku dan berkomunikasi dengan baik dan benar terhadap kedua orang tua sehingga tidak membuat mereka tersinggung dan terasa. Qaulan karima, dalam bentuk hubungan atau komunikasi dengan kedua orang tua, dalam pengertiannya adalah bagaimana seorang anak berkomunikasi dengan baik terhadap kedua orang tua serta membuat mereka merasa dimuliakan dan dihormati sebagai orang tua. Sebagai contoh adalah ketika seorang anak ingin menegur dan menasihati orang tuanya yang berbuat salah, perlulah yang disampaikan dengan penuh kesopanan dan lemah lembut agar tidak berlaku sebarang masalah selepas proses komunikasi berlaku.

### 3.4. Surah Taha ayat 43-44

Maksudnya:

Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, Sesungguhnya Dia telah melampaui batas. [43] Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut. [44]

Kata Layyina adalah bentuk masdar dari kata lana, yang mempunyai arti lunak, lemas, lemah lembut, halus akhlaknya. Ada juga yang mengertikannya dengan sahan latifa, yaitu mudah, lemah lembut. Sedangkan yang dimaksud dengan qaulan layyina adalah perkataan yang mengandung anjuran, ajakan kepada kebaikan dan kebenaran (jalan Allah SWT). Dari isi kandungan ayat di atas, timbul satu pertanyaan besar adalah mengapa Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS untuk berbicara lemah lembut pada Firaun Perintah ini tidak lain merupakan sebagai pelajaran bagi setiap orang bahawa bagaimanapun (seburuk apa pun) keadaan orang yang telah membesarkan kita atau berjasa dalam hidup manusia, maka kita harus bersikap baik dan berbicara lemah lembut kepadanya, kerana sebagaimana telah kita ketahui bersama bahawa Nabi Musa AS dari kecil sampai dewasa, hidup dalam lingkungan istana Firaun, beliau diasuh dan dibesarkan oleh isteri Firaun yang bernama Asiah. Disamping itu, melihat status Fir'aun sebagai seorang raja yang berkuasa dan cenderung bersikap kasar dan keras kerana merasa dirinya lebih berkuasa, sehingga bila berbicara kasar dengannya maka ia merasa tidak dihormati sebagai seorang raja. Oleh sebab itulah Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS untuk berbicara lemah lembut kepada Firaun, kerana kelembutan akan dapat melunakkan hati yang keras. (Rosni. Jamiurrashid. Rafiza. Khodijah, 2015).

#### **4. AYAT-AYAT KOMUNIKASI YANG TERDAPAT DI DALAM AL-HADITH**

##### **Hadith 1**

Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa itu menghimpun segala kebaikan. Dan hendaklah kamu berjihad kerana ia adalah benteng bagi umat Islam. Dan hendaklah kamu lazimi diri kamu dengan zikrullah serta bacaan Al- Quran kerana ia adalah cahaya untuk kamu di bumi dan sebutan nama kamu di langit. Dan perliharalah lidah kamu kecuali dalam kebaikan kerana dengan itu kamu dapat mengalahkan syaitan.

(Al-Haitami, Al-Majma' Al Zawaid, 1994: 10: 301)

Maksud kebaikan dalam Hadith ialah menjauh diri daripada membicarakan sesuatu yang berbentuk umpatan, kejian, cemuhan, fitnah, dusta, gurauan yang melampau batas, membuka aib orang lain dan sebagainya. Semua ini adalah perkara yang ditegah oleh ajaran Islam

##### **Hadith 2**

Barang siapa beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata-kata tentang kebaikan atau berdiam diri sahaja.

(Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab 78, Bab 31:6018, 1993: 12: 59)

Sebarang bentuk komunikasi yang membawa kepada perkara batil adalah amat dilarang oleh Islam. Malah, perbuatan tersebut mengundang kepada kesusahan hidup manusia sama ada di dunia ataupun di akhirat. Hadith diatas menunjukkan bahawa Baginda tidak banyak bercakap. Baginda banyak berdiam diri dan hanya bercakap mengikut keperluan sahaja.

##### **Hadith 3**

Bermaksud: tidak sempurna iman seseorang sehingga ia meninggal dusta dalam gurauan dan bantah-bantahan sekalipun ia merasakan dirinya benar.

(Al-Haithami, Mujma' Zawaid, 1994: 1: 92).

Dalam konteks komunikasi, hadith ini menceritakan bahawa ia perlu dibezakan antara berbatahan atau berdebatan yang menjurus terhadap permusuhan. Komunikasi sepatutnya digunakan untuk mencapai kebaikan dan keamanan umum, bukannya untuk kepentingan peribadi atau pihak tertentu yang mungkin menjurus kearah perbalahan.

##### **Hadith 4**

Janganlah kamu berbicara kepada sesuatu kaum sebuah bicara yang tidak dapat ditangkap oleh akal fikiran mereka, melainkan akan menjadi suatu fitnah antara sesama mereka.


(Sahih Muslim, Muqadimah Kitab, Bab 3: 5, 1990: 76)

Komunikasi akan gagal memenuhi sepenuhnya jika tidak mengambil berat tentang latar belakang sosiobudaya atau nilai pandangannya. Hadith ini menerangkan terhadap pembicaraan yang tidak sesuai dengan tahap pemikiran serta pengetahuan penerima sesuatu latar belakang sosiobudaya mungkin akan membawa kepada berlakunya fitnah dan porak peranda dalam masyarakat. Allah menciptakan manusia dengan pelbagai perbazaan. Namun setiap sesuatu pasti mempunyai hikmah dimana segala kebaikannya akan kembali kepada manusia itu sendiri. (Rosni et al., 2015).

#### **5. DAPATAN & PERBINCANGAN**


Analisis deskriptif adalah digunakan untuk mengenal pasti latar belakang pelajar mengikut jantina, umur dan status, menganalisis data mengikut bahagian dalam soal selidik, menganalisis tanggapan pelajar terhadap tahap keyakinan kemahiran ketika mereka berkomunikasi. (Kamal Azmiet al., 2014).

Carta 1 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jantina. Jumlah keseluruhan responden bagi kajian ini adalah seramai 50 orang. Moajoriti responden adalah dalam kalangan perempuan iaitu seramai 34 orang atau 68% berbanding dengan responden lelaki yang terdiri daripada 16 orang atau 32% sahaja. Perbezaan ini begitu ketara namun sudah menjadi lumrah dalam institusi pengajian tinggi bahawa peratusan pelajar perempuan melebihi daripada pelajar lelaki.




Carta 1: Peratusan responden mengikut jantina

Carta 2 menunjukkan perbezaan umur bagi 50 orang responden. Seramai 36 orang responden yang berumur antara 22 hingga 23 tahun iaitu mewakili 72%. Manakala, responden yang berumur 24 hingga 25 tahun adalah 14 orang atau bersamaan dengan 28%. Wajar faktor ini berlaku kerana lumrah umur bagi kemasukan degree adalah antara umur 19 hingga 23 tahun. Jadi tidak hairanlah purata umur 22 hingga 23 tahun mengungguli daripada responden yang berumur antara 24 hingga 25 tahun.



Carta 2: Peratusan responden mengikut umur

Carta 3 menunjukkan status pelajar yang belajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Merujuk carta diatas, seramai 47 orang (94%) responden berstatus bujang. Hanya 3 orang (6%) mewakili individu yang berstatus sudah berkahwin. Hal ini kerana, usia antara 22 hingga 23 tahun adalah usia pada tahap terlalu muda untuk mendirikan rumah tangga ditambah pula dengan aktiviti belajar ianya akan mengganggu fokus seorang pelajar kerana perlu membahagikan antara keduanya.



Carta 3: Peratusan responden mengikut status

Kategori B ialah dapatan kajian tentang kefahaman pelajar mengenai ilmu komunikasi dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah dengan Komunikasi dikaji setelah subjek tersebut dipelajari secara khusus semasa semester 6, 7 dan 8.

**1. Komunikasi difahami sebagai *transfer information* atau pesan *message* dari pengirim kepada penerima.**

Kefahaman Mahasiswa Mengenai Komunikasi yang bermaksud Proses komunikasi ini dapat difahami sebagai *transfer information* atau pesan *message* dari pengirim kepada penerima. Hanya seramai seorang responden tidak setuju mengenai item bersamaan 2%. Manakala seramai 21 orang setuju dengan item tersebut yang bersamaan dengan 42%. Kemudian 28 orang responden sangat setuju dengan item Proses komunikasi ini dapat difahami sebagai *transfer information* atau pesan *message* dari pengirim kepada penerima yang mewakili 56%.

**2. Komunikasi mempunyai empat unsur utama iaitu sumber, mesej, saluran dan penerima.**

Jadual diatas menunjukkan seramai 3 orang responden sahaja yang tidak pasti dengan item diatas yang mewakili 6%. Selain itu, responden yang setuju hanya 14 orang yang bersamaan dengan 28% sahaja. Manakala responden yang sangat setuju tentang pernyataan item, adalah 33 orang yang mewakili 66%.

**3. Komunikasi mempunyai model untuk memperkenalkan komunikasi itu sendiri.**

Berdasarkan jadual diatas tidak ada responden yang sangat tidak setuju bahawa Komunikasi juga mempunyai pelbagai model untuk memperkenalkan komunikasi itu sendiri. Responden yang tidak setuju dengan item adalah seramai 1 orang yang mewakili 2%. Manakala responden yang tidak pasti ialah seramai 2 orang bersamaan dengan 4%. Seterusnya responden yang setuju adalah sebanyak 18 orang yang mewakili 36% dan sangat setuju seramai 29 orang mewakili 58%.

**4. Proses komunikasi amat penting terhadap manusia dalam kehidupan seharian.**

Berdasarkan jadual diatas tidak ada responden yang tidak setuju dan tidak pasti terhadap item proses komunikasi adalah amat penting terhadap manusia dalam kehidupan seharian Responden yang sangat tidak setuju dengan item adalah seramai 1 orang yang mewakili 2%. Manakala responden yang setuju ialah seramai 8 orang bersamaan dengan 16%. Seterusnya responden yang sangat setuju adalah sebanyak 41 orang yang mewakili 82%.

**5. Komunikasi akan gagal sekiranya tidak mengambil berat tentang latar belakang sosialbudaya atau nilai pandangannya.**

Berdasarkan jadual diatas, item adalah Sebarang bentuk komunikasi yang membawa kepada perkara batil adalah amat dilarang oleh islam menunjukkan seramai 1 orang yang mewakili 2% sangat tidak setuju. Manakala responden yang tidak pasti ialah seramai 4 orang bersamaan dengan

8%. Seterusnya responden yang setuju adalah sebanyak 14 orang yang mewakili 28% dan sangat setuju mewakili 31 orang dalam peratusan 62%.

**6. Komunikasi digunakan untuk mencapai kebaikan bukannya untuk kepentingan peribadi menjurus kearah perbalahan.**

Berdasarkan jadual diatas, item adalah Komunikasi digunakan untuk mencapai kebaikan bukannya untuk kepentingan peribadi menjurus kearah perbalahan. Ini menunjukkan seramai 1 orang yang mewakili 2% sangat tidak setuju. Manakala responden yang tidak pasti ialah seramai 3 orang bersamaan dengan 6%. Seterusnya responden yang setuju adalah sebanyak 16 orang yang mewakili 32% dan sangat setuju mewakili 30 orang dalam peratusan 60%.

**7. Keteraturan ketika berkomunikasi sesuatu yang lebih penting agar komunikasi dapat berlangsung dengan baik.**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi skala sangat tidak setuju tidak ialah seorang mewakili 2% sama dengan sekala tidak setuju. Responden yang tidak pasti adalah seramai 4 orang, sama dengan 8%. Manakala responden yang setuju memperoleh seramai 19 orang yang mewakili 38%. Jumlah yang sangat setuju seramai 25 orang diwakili 50%.

**8. Bahasa atau simbol sering digunakan dalam berkomunikasi hendaklah tepat dan betul.**

Jadual 12 menunjukkan item diatas bahawa tidak ada responden yang tidak setuju. Kemudian responden yang memilih skala sangat tidak setuju adalah seramai 2 orang yang mewakili 4%. Responden yang tidak pasti seramai 4 orang dan mewakili 8% serta responden yang setuju seramai 17 mewakili 34%. Manakala jumlah yang paling ramai ialah responden yang sangat setuju dengan item yang dinyatakan adalah sebanyak 27 orang iaitu bersamaan dengan 54%.

**9. Sikap berpura-pura atau berlebih-lebihan ketika berkomunikasi turut memberi implikasi yang buruk terhadap sekeliling.**

Pada jadual diatas skala yang tiada kekerapan adalah pada skala sangat tidak setuju, dan paling sedikit iaitu seramai 1 orang yang bersamaan dengan 2%. Kemudian responden yang tidak pasti terhadap perkara di atas ialah seramai 2 orang dengan peratusan 4%. Seterusnya seramai 20 responden yang setuju dengan kenyataan yang diberikan bersamaan dengan 40%. Selain itu responden yang sangat setuju ialah seramai 27 orang sahaja yang mewakili 54%.

Seterusnya, dapatan kajian dalam aspek kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa pula dapat ditinjau setelah kefahaman terhadap ilmu komunikasi dianalisis.

**1. Sering menghadapi masalah komunikasi dengan rakan-rakan guru yang lain**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item Sering menghadapi masalah komunikasi dengan rakan-rakan guru yang lain menunjukkan bahawa responden lebih memilih skala tidak setuju iaitu seramai 16 orang bersamaan dengan 32%. Kemudian responden yang sangat tidak setuju ialah seramai 7 orang yang mewakili 14%. Seterusnya responden yang tidak pasti ialah sebanyak 8 orang iaitu sama dengan 16%. Namun responden yang setuju dengan item tersebut ialah seramai 13 orang yang menunjukkan peratusan sebanyak 26%. Sekala sangat setuju adalah paling sedikit iaitu 4 orang sahaja dengan peratusan 12%.

**2. Menghadapi masalah sebutan (gagap, pelat atau sengau)**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item Menghadapi masalah sebutan (seperti gagap, pelat atau sengau) menunjukkan bahawa responden lebih memilih skala sangat tidak setuju iaitu seramai 17 orang bersamaan dengan 34%. Kemudian responden yang tidak setuju ialah seramai 11 orang yang mewakili 22%. Seterusnya responden yang tidak pasti ialah sebanyak 7 orang iaitu sama dengan 14%. Namun responden yang setuju dengan item tersebut ialah seramai 10 orang yang menunjukkan peratusan sebanyak 10%. Sekala sangat setuju adalah paling sedikit iaitu 5 orang sahaja dengan peratusan 10%.



**3. Sentiasa bersemangat menyampaikan tajuk tugasan yang diberikan pensyarah dalam dewan kuliah.**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item Menghadapi masalah sebutan (seperti gagap, pelat atau sengau) menunjukkan bahawa responden lebih memilih skala sangat tidak setuju iaitu seramai 17 orang bersamaan dengan 34%. Kemudian responden yang tidak setuju ialah seramai 11 orang yang mewakili 22%. Seterusnya responden yang tidak pasti ialah sebanyak 7 orang iaitu sama dengan 14%. Namun responden yang setuju dengan item tersebut ialah seramai 10 orang yang menunjukkan peratusan sebanyak 10%. Skala sangat setuju adalah paling sedikit iaitu 5 orang sahaja dengan peratusan 10%.

**4. Berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang difahami di dalam kelas mahupun luar kelas.**

Merujuk kepada jadual diatas pada skala tidak setuju bagi Berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang difahami didalam kelas mahu pun luar kelas hanya 1 orang sahaja, iaitu sama dengan 2%. Namun responden yang memilih skala tidak pasti seramai 2 orang yang bersamaan dengan 4%. Manakala responden pada skala setuju pula adalah seramai 26 orang dengan peratusan sebanyak 52% iaitu jumlah skala yang paling tinggi. Seterusnya pada skala sangat setuju pula adalah sebanyak 21 orang yang mewakili 42%.

**5. Menggunakan gerak tangan untuk membantu penekanan isi yang disampaikan.**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item Menggunakan gerak tangan untuk membantu penekanan isi yang disampaikan menunjukkan bahawa responden lebih memilih skala setuju iaitu seramai 22 orang bersamaan dengan 44%. Kemudian responden yang sangat tidak setuju ialah seramai 1 orang yang mewakili 2%. Seterusnya responden yang tidak setuju ialah sebanyak 3 orang iaitu sama dengan 6%. Namun responden yang tidak pasti dengan item tersebut ialah seramai 5 orang yang menunjukkan peratusan sebanyak 10%. Skala sangat setuju adalah iaitu 19 orang sahaja dengan peratusan 38%.

**6. Menyelitikan unsur humor bagi mewujudkan suasana ceria dalam berkomunikasi.**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item Sering menyelitikan unsur-unsur humor bagi mewujudkan suasana ceria dalam berkomunikasi tidak terdapat pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Manakala pada skala tidak pasti adalah seramai 11 orang, bersamaan dengan 22%. Seterusnya responden yang memilih skala setuju adalah seramai 21 orang yang menunjukkan 42% daripada responden setuju. Seterusnya bagi skala sangat setuju pula jumlah responden ialah 18 orang yang mewakili 36%.

**7. Membuat perbincangan berkumpulan dapat meningkatkan cara komunikasi.**

Pada jadual diatas skala yang paling sedikit adalah pada skala tidak setuju, iaitu seramai seorang yang bersamaan dengan 2%. Kemudian responden yang tidak pasti terhadap item membuat perbincang secara berkumpulan dapat membantu meningkatkan cara komunikasi ialah seramai 3 orang dengan peratusan 6%. Seterusnya seramai 21 responden yang setuju dengan kenyataan yang diberikan bersamaan dengan 42%. Selain itu, responden yang sangat setuju ialah seramai 25 orang sahaja yang mewakili 50%.

**8. Berdiri statik di hadapan kelas sewaktu menerangkan sesuatu perkara.**

Taburan kekerapan dan peratusan bagi item diatas menunjukkan bahawa responden paling banyak memilih skala tidak setuju iaitu seramai 16 orang bersamaan dengan 32%. Kemudian responden yang sangat tidak setuju paling sedikit ialah seramai 4 orang yang mewakili 8%. Seterusnya responden yang tidak pasti ialah sebanyak 10 orang iaitu sama dengan 20%. Namun responden yang setuju dengan item tersebut

ialah seramai 15 orang yang menunjukkan peratusan sebanyak 30%. Sekala sangat setuju adalah iaitu 5 orang sahaja dengan peratusan 10%.

#### **9. Berlaku masalah komunikasi jika berdepan dengan berlainan jantina.**

Merujuk kepada jadual diatas pada skala tidak setuju bagi item di atas, responden berjumlah 16 orang sahaja, iaitu sama dengan 32%. Namun responden yang memilih skala tidak pasti seramai 2 orang yang bersamaan dengan 4%. Manakala responden pada skala setuju pula adalah seramai 17 orang dengan peratusan sebanyak 34% iaitu jumlah skala yang paling tinggi. Seterusnya pada skala sangat setuju pula adalah sebanyak 15 orang yang mewakili 30%.

#### **10. Banyak terlibat dalam aktiviti atau program dapat meningkatkan skill berkomunikasi.**

Berdasarkan jadual diatas responden pada skala sangat tidak setuju dengan item ialah berjumlah 1 orang yang mewakili 2%. Bagi skala tidak setuju pula adalah seramai 2 orang yang bersamaan dengan 4%. Namun responden yang tidak pasti ialah sebanyak 3 orang iaitu sama dengan 6%. Kemudian pada skala setuju pula responden berjumlah 15 orang yang mewakili 30%. Seterusnya responden yang paling sedikit ialah pada skala sangat setuju yang berjumlah 29 orang iaitu peratusan sebanyak 39% yang paling banyak.

### **6. KESIMPULAN**

Berdasarkan daripada pelaksanaan kajian serta hasil yang diperolehi melalui kajian, penulis mendapati tahap kefahaman mahasiswa KUIS mengenai ilmu komunikasi setelah mempelajari ilmu komunikasi pada semester 1 sehingga semester 8 adalah sangat positif. Mojaritinya pelajar sangat memahami ilmu komunikasi itu dengan baik. Kebanyakan responden kajian ini adalah wanita berbanding lelaki. Selain itu, umur responden yang terlibat kebanyakan diantara 22 hingga 23 tahun berbanding yang lain. Selain itu pengkaji menganggap bahawa mahasiswa KUIS memahami mengenai komunikasi itu sendiri kerana ia merupakan platform penting dalam penyampaian maklumat daripada seorang pelajar kepada seorang pensyarah atau seorang pensyarah kepada seorang pelajar.

Dari sudut kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa, responden menganggap bahawa akan berlaku banyak masalah apabila mereka berdepan dengan rakan mereka yang berlainan jantina semasa sesi pembentangan. Kurang keyakinan dan perasaan malu inilah menyebabkan mereka hilang fokus apa yang ingin disampaikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kemahiran komunikasi ini perlu dikuasai dan dipraktikkan selalu serta perlu mendapatkan persediaan yang cukup bagi mengatasi masalah komunikasi yang berlaku berulang kali agar tidak berterusan melakukan kesilapan yang sama sewaktu pembentangan.

### **RUJUKAN**

1. Ab. Halim Mohamad, (2009), *Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*, Journal of Islamic and Arabic Education, 1-14.
2. Abdullah Hassan. Ainon Mohd, (2004), *Komunikasi Untuk Pendakwah*, Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributors Sdn Bhd.
3. Ahmad Sunawari Long, (2008), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Gema Alam Enterpris Selangor Darul Ehsan. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi, Selangor.
4. Ghazali Darusalam. Sufean Hussin, (2016), *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
5. Ivy Deirdre Mangkau (2012), *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*, Prosiding Seminar Pendidikan Pasca dalam PTV kali ke-2, 2012, 13 Jun 2012.



6. Kamal Azmi, Tusuf Marlon, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah, Sahlawati Abu Bakar, (2014), *Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
7. Lisa Febrilia, 2008, <http://lisa-febrilia.blogspot.my/2008/11/sejarah>, Perkembangan-ilmu-komunikasi.html. 08 November.
8. Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2008), *Strategi untuk Mengembangkan Kemahiran Berkomunikasi Kanak-kanak Berkeperluan Khas*, <http://anzdoc.com.strategi-untuk-mengembangkan-kemahiran-berkomunikasi-kanak-kanak-berkeperluan-khas>.
9. Muh. Syawir Dahlan, (2014), *Etika Komunikasi Dalam Al-Qur'an Dan Hadis*, Jurnal Dakwah Tabligh, Vol .15, No. 1, Jun, 2014 : 115 – 123.
10. Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman (2009), *Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia*, Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia.
11. Nurfin Sihotang, (2014), *Eksplorasi Komunikasi Dakwah Interpersonal dalam al-Quran Surat Luqman*, Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi IAIN Padangsidempuan alumni S-3 Universitas Alighar – India.
12. Nurul Jamilah Ismail Rani, Nursyamimi Harun, & Rahmahtunnisah Hj.Sailin, (2015), Kekhuatiran Berkomunikasi Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Prosiding Antarabangsa dan Konferens Pengurusan dan Muamalah, 1-8.
13. Nurul Salmi Mohd Dazali. Mohd Isha Awang, (2014), *Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia*, Jurnal pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ), 44-56.
14. Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin Dan Noriah Mohd Ishak (2009), Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah Dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
15. Rosni binti Wazir, Jamiurrashid bin Makmum, Rafiza binti Kasbun da, Khodijah binti Abdul Rahman, 2015, *Komunikasi Dalam Islam Prinsip- Prinsip Berdasarkan Al-Quran Dan Al-Sunnah*, H A D I S: Jurnal Ilmiah Berwasit. Tahun kelima, Bil: 1.
16. Tay Meng Guat, (2013), *Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Semasa Praktikum*, Jabatan Pengajian Melayu, Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11.
17. Yama, P., Salleh, N. M., Ismail, A. Z., Husin, H. M., Haridi, N. H. M., & Noor, M. S. M. (2018). *Penggunaan Hadith Nabi Dalam Penulisan: Analisis Terhadap Karya Karya Golongan Liberal Dan Pengaruhnya Dalam Media Sosial*.
18. Zany, 2014, <http://khusnia.wordpress.com/pengantar-ilmu-komunikasi/04-sejarah-komunikasi-dan-ilmu-komunikasi/22Mei>